

22 APR 2002

PERDANA MENTERI PULANG DARI LAWATAN KE LUAR NEGARA

SEPANG, 22 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini selepas lawatan seminggu ke Magribi, Libya dan Bahrain.

Pesawat yang membawa Dr Mahathir dan anggota delegasi lain mendarat di Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada pukul 10.30 pagi.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berada di lapangan terbang untuk menyambut ketibaan Perdana Menteri.

Yang turut hadir ialah menteri-menteri dan timbalan menteri, termasuk Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang juga presiden MCA. Timbalan Presiden MCA Datuk Seri Lim Ah Lek juga hadir.

Dr Mahathir memulakan lawatan ke tiga negara terbabit pada 15 April.

-- BERNAMA

MAM AHH LAT